



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

GARIS PANDUAN TADBIR URUS PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

(PINDAAN 2024)

PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT
DAN JARINGAN INDUSTRI



PLMJI

PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT
DAN JARINGAN INDUSTRI

 PLiMJI PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)	Jumlah Halaman : 13 Muka Surat
	No Semakan :
	Tarikh : 1 Ogos 2024

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
SENARAI AHLI JAWATANKUASA	3
GLOSARI	4
SEKSYEN 1	
1. PENGENALAN	6
1.1 Objektif USIM	6
1.2 Konsep Libatsama Masyarakat	6
2. TUJUAN	6
3. OBJEKTIF GARIS PANDUAN	6
3.1 Objektif	6
3.2 Punca Kuasa	6
SEKSYEN 2	
4. PROGRAM DAN AKTIVITI LIBATSAMA MASYARAKAT	7
4.1 Bidang Tumpuan Libatsama Masyarakat	7
4.2 Kategori Libatsama Masyarakat	8
4.2.1 Libatsama Masyarakat dalam Pemindahan Ilmu	8
4.2.2 Senarai Contoh Projek yang BOLEH didaftarkan di PLiMJI	8
4.2.3 Senarai Contoh Projek Yang TIDAK diklasifikasikan Untuk Pendaftaran Projek Libatsama Masyarakat di PLiMJI	8
SEKSYEN 3	
5.PENDAFTARAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT	9
5.1 Panduan Pendaftaran	9
6.SISTEM PENARAFAN BINTANG PROGRAM LIBATSAMA MASYARAKAT	10
6.1 Penarafan Bintang Program Libatsama Masyarakat	10
6.2 Definisi Indikator Bintang Libatsama Masyarakat	10
7. TANGGUNGJAWAB	11
SEKSYEN 4	
8. IMPLIKASI KEWANGAN	12
8.1 Pembiayaan Projek Libatsama Masyarakat	12
9. TARikh BERKUATKUASA	12
LAMPIRAN	
CARTA ALIR PENDAFTARAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT	13

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

YBRS. DR. HAMMAD FARHI MOHD SAUDI
Pengarah
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

YBRS. DR. ZATUL-'IFFAH ABU HASAN
Timbalan Pengarah
Bahagian Libatsama Masyarakat
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

YBRS. DR. MUHAMMAD IQMAL HISHAM KAMARUDDIN
Timbalan Pengarah
Bahagian Jaringan Industri
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

PUAN NAJIHAH BUDAH @ UDAH
Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

PUAN ROZIEHAN TALIB
Penolong Pendaftar
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

PUAN FAIZA AZIAN CHE ANI
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Kesetiausahaans)
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

CIK SUSILAWATI ABDULLAH
Pembantu Tadbir Kanan
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

ENCIK AMIRUL AIMAN ISLAINI
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

ENCIK AHMAD SHAFIK ZARUDDIN
Pembantu Operasi
Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

GLOSARI

Glosari	Keterangan
PLiMJI	Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri
Masyarakat	Merangkumi kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau negara, masyarakat (di sesuatu tempat atau negara), orang ramai umumnya. Ia juga merangkumi kumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat (kecenderungan, kepentingan, dan lain-lain) yang serupa. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)
Pegawai USIM	Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Ketua Kampus Cawangan, Dekan Fakulti, Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, atau pemegang apaapa jawatan yang diwujudkan oleh Statut atau selainnya. (Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan USIM)
Staf USIM	Pekerja Universiti yang membawa maksud mananya orang yang diambil kerja oleh Universiti bawah Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia dan mana statut dan termasuklah pegawai dan guru. (Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan USIM)
Ketua Projek	Merujuk kepada seseorang yang memimpin atau menguruskan sesuatu projek. (Kamus Dewan Edisi Kelima, 2022)
Ahli Projek	Merujuk kepada seseorang yang terlibat atau mengambil bahagian dalam sesuatu projek. (Kamus Dewan, 2021)
JUU USIM	Jabatan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia
PTj	Pusat Tanggungjawab
KTP	<i>Knowledge Transfer Programme/ Program Pemindahan Ilmu</i>
SULAM	<i>Service Learning Malaysia-University for Society</i>
USR	<i>University Social Responsibility/ Tanggungjawab Sosial Universiti</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility/ Tanggungjawab Sosial Korporat</i>

Libatsama Masyarakat/ <i>Community Engagement</i>	Penglibatan sekumpulan orang dalam suatu komuniti atau negara. Konsep ini biasanya menggambarkan penyertaan aktif masyarakat dalam pelbagai aspek, seperti dalam keputusan, aktiviti, atau program-program tertentu. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015)
<i>Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA)</i>	Merupakan sistem penilaian yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk menilai dan mengukur prestasi penyelidikan, kepakaran dan pencapaian akademik di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan di universiti dan institut penyelidikan melalui penilaian sistematik. (MyRA Pindaan 2023)
<i>MoU dan MoA</i>	<i>Memorandum of Understanding/ Memorandum Persefahaman</i> <i>Memorandum of Agreement/ Memorandum Perjanjian</i>
<i>One-off Programme</i>	Merujuk kepada satu program atau aktiviti yang dilaksanakan sekali sahaja atau dalam satu masa tertentu yang ditetapkan, berbeza dengan program yang diadakan secara berterusan atau berulang kali.

SEKSYEN 1

1. PENGENALAN

1.1 Objektif USIM

- i. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.
- ii. Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

1.2 Konsep Libatsama Masyarakat

Libatsama Masyarakat merangkumi sebarang aktiviti berbentuk Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Programme*), Perkhidmatan Kepakaran Universiti (*University Social Responsibility*), Libatsama Masyarakat (*Community Engagement*), Perkongsian Ilmu (*Knowledge Sharing*) dan aktiviti lain yang merangkumi penglibatan komuniti, pengumpulan maklumat, pengembangan rundingan, pelaksanaan program, penilaian dan penambahbaikan.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan dan pengurusan program libatsama masyarakat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merentasi skop pendidikan dan khidmat kepakaran.

3. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

3.1 Objektif

Garis panduan ini dirangka bagi mencapai objektif seperti berikut:

- i. Sebagai panduan kepada warga USIM bagi pelaksanaan program atau aktiviti libatsama masyarakat.
- ii. Menggalakkan penglibatan warga USIM dalam aktiviti libatsama masyarakat secara perkongsian strategik.
- iii. Mendokumentasi aktiviti libatsama masyarakat dalam satu pangkalan data universiti.
- iv. Menggalakkan perkongsian dan pemindahan ilmu antara masyarakat, industri, NGO dan warga USIM.

3.2 Punca Kuasa

- i. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
- ii. Jawatankuasa Jaringan Industri dan Masyarakat (JKJIM)
- iii. Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JKPIU)
- iv. Jawatankuasa Pengurusan Kluster Penyelidikan dan Inovasi (JPKPI)

SEKSYEN 2

4. PROGRAM DAN AKTIVITI LIBATSAMA MASYARAKAT

4.1 Bidang Tumpuan Libatsama Masyarakat

i. Pemindahan, Perkongsian Ilmu dan Inovasi Sosial – *Knowledge Transfer, Sharing and Social Innovation*

Memfokuskan kepada program bersifat keilmuan, ia termasuklah program yang melibatkan pemindahan ilmu yang dimiliki oleh pengajur kepada masyarakat sasaran ataupun perkongsian ilmu yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

ii. Meningkat Kehidupan – *Improving Livelihood*

Satu bentuk program yang memberi impak kepada sebuah masyarakat dengan meningkatkan keupayaan atau mengubah aspek kehidupan masyarakat sasaran tersebut kepada yang lebih baik. Ia termasuklah kepada penambahbaikan dalam aspek ekonomi, kesihatan, kemudahan dan persekitaran.

iii. Kelestarian Alam Sekitar – *Environmental Sustainability*

Aktiviti yang didefinisikan sebagai interaksi yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar untuk mengelakkan penipisan atau penurunan sumber semula jadi dan memastikan penjagaan kualiti alam sekitar jangka panjang seperti gotong royong, penanaman pokok, penempatan haiwan terbiar, aktiviti kitar semula, kewaspadaan dengan alam sekitar.

iv. Pembinaan Keupayaan – *Capacity Building*

Proses membangunkan dan mengukuhkan kemahiran, naluri, kebolehan, proses dan sumber yang diperlukan oleh organisasi dan masyarakat untuk terus hidup, menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam dunia yang cepat berubah seperti program latihan dan pementoran.

v. Keusahawanan Sosial – *Social Entrepreneurship*

Objektif utama keusahawanan adalah untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa dengan memfokuskan kepada masalah sosial masyarakat setempat. Keusahawanan sosial bertujuan untuk menghindari situasi masalah sosial dan mendorong peningkatan taraf hidup dalam masyarakat melalui penjanaan modal dan kebebasan sosial.

vi. Menyantuni Komuniti / Pertukaran budaya – *Community Engagement / Cultural Exchange*

Menyantuni masyarakat setempat. Manakala pertukaran budaya ialah berkongsi idea, tradisi dan pengetahuan yang berbeza latar belakang.

(Sumber: MyRA Pindaan 2023)

4.2 Kategori Libatsama Masyarakat

4.2.1 Libatsama Masyarakat dalam Pemindahan Ilmu

Penglibatan **pensyarah** atau **pegawai** USIM yang berkonsepkan **pemindahan ilmu** kepada gabungan pelajar dan komuniti atau komuniti sahaja. Contoh aktiviti ini termasuklah penyampaian pemindahan ilmu kepada komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan ahli Masjid Kariah sama ada secara berkala atau *one-off programme*.

4.2.2 Senarai Contoh Projek Libatsama Masyarakat yang BOLEH didaftarkan di PLiMJI

Berikut adalah senarai contoh program yang boleh didaftarkan:

- i. Program Inovasi Masyarakat
- ii. Program Pembangunan Masyarakat
- iii. Program Perkongsian Ilmu berdasarkan Kepakaran Pensyarah dan/ atau Pegawai
- iv. Program Masyarakat bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/ Agensi Kerajaan/ Swasta/ Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- v. Khidmat masyarakat berbentuk *one-off* atau *berkala* seperti pensyarah dan/ atau pegawai memberi ceramah umum dimana-mana program.

4.2.3 Senarai Projek Libatsama Masyarakat Yang TIDAK diklasifikasikan Untuk PendaftaranLibatsama Masyarakat di PLiMJI

Berikut adalah senarai contoh program yang tidak diterima untuk pendaftaran:

- i. Program Libatsama Masyarakat yang disampaikan oleh pelajar/ *Service Learning Malaysia- University for Society (SULAM)*
- ii. Pengembalaan Pelajar/ *Global Islamic Students Outreach (GISO)*
- iii. Khidmat masyarakat (CSR) berbentuk *one-off* atau berkala seperti membantu mangsa banjir atau program gotong- royong yang tidak melibatkan sebarang pemindahan ilmu.

SEKSYEN 3

5. PENDAFTARAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT

5.1 Panduan Pendaftaran

i. Mengenal pasti projek

Ketua Projek mengenal pasti projek/ program/ aktiviti yang didaftarkan menepati kriteria program libatsama masyarakat yang telah dinyatakan di dalam garis panduan ini. Setiap projek yang dikenalpasti harus dimaklumkan kepada pihak Pengurusan Fakulti/ Jabatan/ Pusat/ Institut mengikut unit Ketua Projek masing-masing.

ii. Pengisian Borang Pendaftaran Libatsama Masyarakat

Borang pendaftaran libatsama masyarakat hendaklah diisi selepas projek dijalankan dalam tahun semasa. Setiap Ketua Projek perlu memastikan borang yang digunakan adalah borang yang terkini. Ketua Projek perlu memastikan borang diisi dengan lengkap berserta dokumen sokongan.

iii. Cadangan Penarafan Bintang dan Perakuan Pendaftaran

Cadangan penarafan bintang dan perakuan pendaftaran daripada Ketua Jabatan/ Dekan/ Pengarah perlu diperoleh sebelum dimajukan ke pejabat PLiMJI. Penarafan bintang adalah berdasarkan Glosari MyRA yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

iv. Penyerahan pendaftaran dari Pusat Tanggungjawab (PTj) / Ketua Projek kepada PLiMJI

Setiap pendaftaran akan diperaku sah terima oleh pihak PLiMJI pada tarikh serahan dokumen. Borang yang tidak lengkap akan dimaklumkan kepada Ketua Projek ketika serahan dibuat.

v. Kelulusan Pendaftaran

Borang Pendaftaran Projek Libatsama Masyarakat yang telah lengkap diisi akan disemak oleh Timbalan Pengarah Bahagian Libatsama Masyarakat PLiMJI dan penarafan akhir bintang akan diberi oleh Pengarah PLiMJI.

vi. Penarafan Bintang Projek Libatsama Masyarakat

Surat penarafan bintang projek libatsama masyarakat akan dikeluarkan oleh pihak PLiMJI kepada Ketua Projek dan Ahli Projek. Projek yang telah diberi penarafan bintang akan dimasukkan ke dalam senarai Projek Libatsama Masyarakat untuk keperluan Penarafan Audit *Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA)* dan audit berkaitan yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

vii. Pemakluman Penarafan Bintang kepada Jawatankuasa Universiti

Projek Libatsama Masyarakat yang telah diberi penarafan bintang akan dimaklumkan di JKPU, JKJIM, JKPIU dan JPKPI.

6. SISTEM PENARAFAN BINTANG PROGRAM LIBATSAMA MASYARAKAT

6.1 Penarafan Bintang Program Libatsama Masyarakat

Penarafan Bintang Program Libatsama Masyarakat oleh PTj ditetapkan berdasarkan kriteria Penarafan Bintang Libatsama Masyarakat (MyRA Pindaan 2023).

6.2 Definisi Indikator Bintang Libatsama Masyarakat

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 	Penghakupayaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran ii. Kelestarian amalan inovasi iii. Memperkasakan amalan inovasi 	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti/ Peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan institut yang dinilai (pihak yang menyampaikan program pemindahan KTP)
4 	Perubahan Amalan	<ul style="list-style-type: none"> i. Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, dan pengurangan kos 	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti/ Peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya
3 	Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)	<ul style="list-style-type: none"> i. Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti/ Peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi ii. Bukti pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain
2 	Sokongan dan Penglibatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti yang membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti ii. Wujud hubungan strategik komuniti/ organisasi 	<ul style="list-style-type: none"> i. Institut yang dinilai melaksanakan program bersama komuniti/ peserta
1 	Jalinan Hubungan	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti bertanggapan positif terhadap institut yang dinilai dan program tindakan komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengukuhan hubungan institut yang dinilai – komuniti/ peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, emel dan lain-lain

7. TANGGUNGJAWAB

i. Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI)

- Menguruskan proses pendaftaran projek libatsama masyarakat yang disampaikan oleh pensyarah dan/ atau pegawai USIM berkonsepkan elemen pemindahan ilmu.
- Memberikan penarafan bintang kepada projek yang menepati kriteria yang dinyatakan.
- Melaporkan penarafan bintang di dalam JKPU, JKJIM, JKPIU, dan JPKPI.

ii. Pusat Tanggungjawab (PTj)

- Memastikan aktiviti dijalankan mengikut apa yang telah dipersetujui antara kumpulan projek libatsama masyarakat dan komuniti.
- Mengenal pasti pengganti Ketua Projek sekiranya perlu.
- Memberikan cadangan penarafan bintang bagi setiap projek yang dipohon.
- Memperakukan pendaftaran projek.

iii. Jabatan Undang-Undang (JUU)

- Memastikan kepentingan USIM dilindungi melalui Memorandum Persefahaman (MoU)/ Memorandum Perjanjian (MoA), sekiranya berkaitan.

iv. Ketua Projek

- Menyediakan kertas kerja untuk menjalankan kerjasama dengan masyarakat.
- Memaklumkan perincian projek kepada pihak Pengurusan Fakulti/ Jabatan/ Pusat/ Institut mengikut unit Ketua Projek masing-masing.
- Memastikan pelaksanaan projek dilaksanakan memenuhi kriteria libatsama masyarakat yang telah ditetapkan.
- Menyediakan laporan yang mengandungi gambar dan/ atau video aktiviti program.
- Mengisi Borang Pendaftaran Projek Libatsama Masyarakat dengan lengkap untuk serahan kepada pejabat PLiMJI.
- Memberi maklumat kepada PLiMJI berkenaan projek yang dijalankan sekiranya ia berkaitan dengan Memorandum Persefahaman (MoU)/ Memorandum Perjanjian (MoA).
- Memastikan aspek keselamatan terjaga semasa aktiviti dijalankan.

v. Ahli Projek

- Membantu Ketua Projek dalam melaksanakan projek seperti yang diarahkan mengikut bidang masing-masing.
- Memberikan sepenuh komitmen dan menjalankan tanggungjawab sebagai Ahli Projek dalam melaksanakan projek tersebut.
- Membantu memastikan projek berjalan seperti yang dirancang.
- Membantu Ketua Projek untuk memastikan projek yang dijalankan selesai dengan jayanya.
- Membantu pelaporan akhir projek.

SEKSYEN 4

8. IMPLIKASI KEWANGAN

8.1 Pembiayaan Projek

- i. Pembiayaan projek boleh diperolehi daripada peruntukan universiti dan sumber luar seperti geran komuniti, sumbangan perseorangan, sumbangan orang ramai (*crowd funding*), industri, agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).
- ii. Dana yang diberikan perlu dibelanjakan selaras dengan kelulusan kertas kerja yang telah ditetapkan dan sebarang pindaan terhadap perincian program perlu dimaklumkan secara bertulis kepada pihak pemberi dana dan pejabat PLiMJI untuk pertimbangan dan kelulusan.
- iii. Perbelanjaan dana tertakluk kepada peraturan kewangan kerajaan yang sedang berkuat kuasa selaras dengan pekeliling Bendahari USIM.
- iv. Memaksimumkan penggunaan kemudahan sedia ada di PTJ dan universiti.

9. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa pada **1 Ogos 2024**.

CARTA ALIR
PENDAFTARAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT

TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	CATATAN	DOKUMEN
Ketua Projek	<p style="text-align: center;">Mula</p> <p>Pemakluman kepada PTj</p> <p>Projek Dijalankan</p> <p>Projek Tamat</p> <p>Pengisian Borang Pendaftaran Projek Libatsama Masyarakat</p> <p>Perakuan Pendaftaran</p> <p>Penghantaran Borang Pendaftaran Projek Libatsama Masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti projek yang ingin dijalankan. Kertas kerja projek dihantar ke PTj untuk pemakluman. • Projek dijalankan berdasarkan kertas kerja yang dimaklumkan kepada PTj. • Pengisian borang dibuat selepas projek dijalankan dalam tahun semasa. 	
Ketua Jabatan/Dekan/Pengarah	<p>→</p> <p>Tidak Terima</p> <p>Diterima</p> <p>Kelulusan Pendaftaran</p> <p>Pengeluaran Surat Kelulusan</p> <p>Pelaporan Projek Kepada JK</p> <p style="text-align: center;">Tamat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Borang Pendaftaran Projek Libatsama Masyarakat 	
TP BLM PLiMJI Pengarah PLiMJI			
PTK/PO PLiMJI		<ul style="list-style-type: none"> • Dokumentasi pendaftaran projek dan surat kelulusan • Pelaporan 	
JKPU, JKJIM, JKPIU, JPKPI			<ul style="list-style-type: none"> • Surat Penarafan Bintang Projek Libatsama Masyarakat